

## Pendefinisian Pluralisme Agama dalam Konteks Malaysia

### Defining Religious Pluralism in Malaysia Context

NUR FARHANA ABDUL RAHMAN,  
KHADIJAH MOHD KHAMBALI @ HAMBALI  
NUR SOLEHAH SHAPIEE  
NUR ASHILAH KAHAR

#### ABSTRAK

Istilah “Pluralisme Agama” yang digunakan dalam Bahasa Melayu sering menimbulkan kontroversi dalam kelompok pemikir dan ahli politik. Sebahagian pihak mengatakan ia adalah terjemahan kepada religious plurality iaitu kepelbagaiaan agama, manakala sebahagian lagi pihak mengatakan ia adalah terjemahan kepada istilah religious pluralism yang membawa kepada kecenderungan kesatuan kebenaran agama. Pemahaman di antara kepelbagaiaan agama dan kesatuan agama menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat Muslim khasnya kecelaruan makna istilah-istilah tersebut berkait dengan kedudukan agama Islam yang memiliki kebenaran yang nyata. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan garis panduan asas dalam mencari limitasi antara pengiktirafan kepelbagaiaan agama atau kesatuan kebenaran agama. Hasil awal kajian mendapat terdapat empat persoalan asas yang boleh digunakan untuk menjadi antara asas saringan untuk membezakan pemikiran yang membawa kepada pengiktirafan kepelbagaiaan agama atau pengiktirafan kesatuan kebenaran agama iaitu melalui pandangan mereka terhadap punca kewujudan agama, padangan terhadap peranan dan kedudukan agama-agama lain, pandangan terhadap untuk hidup harmoni dan yang paling penting adalah pandangan terhadap keperluan berdakwah kepada selain agama yang dianut.

Kata kunci: Pluralisme Agama; Kepelbagaiaan Agama; Kesatuan Kebenaran Agama; Malaysia; Islam

#### ABSTRACT

The term of “religious pluralism” in Malay Languange often creates controversy among thinkers and politicians. Some say it is a translation of religious plurality which the meaning as religious diversity. While some say it is a translation of the term religious pluralism that leads to recognise of the unity of religious truth. Understanding the diversity of religion and unity of religious truth religious creates confusion to the Muslim community in particular related to the position of Islam that has real truth. This paper aims to discuss the basic guidelines in finding the limitation between recognition of religious diversity or recognition of the unity of religious truth. The preliminary findings found that there are four fundamental questions that can be used to be the basis for differentiate the thoughts that lead to religious divergence or recognition of the unity of religious truth ie their views on the cause of religion, the role and position of other religions, readiness of living harmoniously and most importantly the views on need of preaching to other religions.

Keywords: Religious Pluralism; Religious Plurality; Unity of the Religious Truth; Malaysia; Islam

#### PENDAHULUAN

Istilah Pluralisme agama merupakan suatu istilah yang tidak asing lagi pada masa kini. Kajian mendapati bahawa istilah ini yang juga disebut sebagai *Religious Pluralism* wujud lebih awal di Timur khasnya dapat dilihat dalam ajaran Guru Nanak, Rammohan Roy dan beberapa sarjana di Timur kemudiannya semakin berkembang bermula dengan kemunculan zaman pencerahan Eropah iaitu ketika bermulanya kebangkitan pemikiran moden yang tertumpu kepada penggunaan rasional (akal) dalam melaksanakan sesuatu dan pembebasan akal dari kawalan agama. Dalam konteks dunia Islam, umumnya umat Islam

mengetahui bahawa Islam menerima masyarakat majmuk dan tidak ada paksaan dalam beragama tanpa menjadikan Islam sebagai agama yang benar tiada selainnya. Dakwaan yang sama juga terdapat di dalam ajaran Kristian. Namun, apa yang membimbangkan dalam konteks Malaysia pada hari ini munculnya golongan dan aliran yang memberi ancaman melalui idea yang mempromosikan pluralisme agama dalam konteks penyamaan kebenaran agama-agama dan sekaligus menafikan perlunya institusi keagamaan. Dalam menelusuri isu pluralisme agama di Malaysia, satu perkara yang memerlukan penelitian adalah berkenaan dengan istilah ‘pluralisme agama’ itu sendiri. Hal ini demikian kerana terdapat fahaman

yang memahami istilah ini dilihat sebagai satu ancaman terhadap keyakinan umat Islam pada hari ini kerana ia mudah bergerak dan berkembang di peringkat golongan elit dan pertengahan yang kononnya cuba untuk mencari sesuatu yang berbeza dengan prinsip tradisi Islam. Contoh yang paling jelas dalam hal ini ialah terdapat dalam kalangan umat Islam sendiri yang tidak yakin dengan kebenaran agama yang dianuti malah kemudian cuba menyamaratakan kebenaran agama Islam dengan agama-agama lain. Namun, ada juga golongan daripada umat Islam yang terlalu bersifat eksklusif sehingga menghilangkan jati diri Islam yang bersifat universal *rahmatan lil alamin*.

#### TERMINOLOGI ‘RELIGIOUS PLURALISM’

Secara terminologinya, perkataan ‘pluralisme agama’ berasal daripada terjemahan kepada istilah dalam bahasa Inggeris yang disebut sebagai “religious pluralism.” Perkataan “pluralism” diambil dari perkataan asal iaitu “plural” yang bermaksud lebih daripada satu atau banyak (Hornby 2000). Manakala definisi perkataan “pluralisme” pula dibahagikan kepada tiga aspek (Hornby 2000): a. Aspek sosial-politik: ‘Pluralisme’ bermaksud sebuah fahaman yang wujud dalam kelompok masyarakat yang berbeza bangsa dan agama atau memiliki kepercayaan politik dan agama yang berbeza. b. Aspek keharmonian hidup: ‘Pluralisme’ bermaksud suatu prinsip yang menyatakan bahawa kelompok masyarakat yang berbeza boleh hidup bersama dengan aman dalam masyarakat. c. Aspek kepelbagaian jawatan: Suatu istilah bagi seseorang yang memegang lebih dari satu jawatan pada satu masa dan istilah ini biasanya digunakan dalam kalangan agama Kristian terutama dalam struktur jawatan gereja. Umumnya, kepelbagaian menurut *Kamus Dewan* (2007) ialah perihal pelbagai atau berbagai-bagai jenis. Kepelbagaian merangkumi banyak perkara sama ada abstrak atau konkret yang boleh diperoleh di suatu tempat atau kawasan yang sama. Menurut Al-Attas (1993), perkataan deen boleh dibahagikan kepada empat aspek iaitu keadaan berhutang (indebtess), keadaan menyerah diri (submissiveness), kuasa dan daya menghukum (judicious power) dan kecenderungan yang ada pada insan (natural inclination or tendency). Daripada keempat-empat aspek ini, al-Attas lebih cenderung untuk menyatakan agama adalah suatu bentuk menyerahan diri dan patuh seorang makhluk dalam melaksanakan ibadah kepada Tuhan.

#### KONTROVERSI ISTILAH ‘PLURALISME AGAMA’ DI MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia pelbagai definisi yang diberikan kepada istilah ‘Pluralisme Agama.’ Secara ringkasnya adalah pertama istilah pluralisme agama dalam konteks kepelbagaian agama dan kedua dalam konteks kesatuan kebenaran agama. Terdapat beberapa sarjana Muslim Malaysia yang menyamakan pluralisme agama dengan keterbukaan terhadap kepelbagaian agama malah ada juga yang bersetuju dengan fahaman yang membenarkan kebenaran semua agama yang dibawa dalam konteks Barat. Sebagai contoh, Menurut Uthman el-Muhammady ‘pluralisme agama’ adalah sebagai sebuah fahaman yang meletakkan agama Islam sama dengan kedudukan agama-agama lain. Pemikiran ini merujuk kepada dakwaan kebenaran antara semua agama (religious truth claim) (Uthman 1977). Beliau melihat pluralisme agama ini sebagai satu fahaman yang menyamaratkan kebenaran agama dan hal ini bertentangan dengan Islam. Sedangkan Allah berfirman di dalam surah al-Imran (3): 83 bahawa “Maka apakah mereka mencari agama yang lain selain dari agama Allah, padahal kepada-Nya berserah diri segala apa yang ada di langit dan di bumi, baik dengan suka maupun terpaksa dan hanya kepada Allah mereka dikembalikan.” Oleh sebab itu bagi Uthman, gagasan pluralisme agama ini dari awalnya telah menyimpang daripada syariat Islam yang sebenar iaitu Islam sebagai sebuah agama yang suci. Manakala bagi contoh yang lain Chandra Muzaffar lebih cenderung untuk mendefinisikan pluralisme agama secara umum iaitu fahaman yang menerima akan kewujudan agama-agama lain di dunia (Chandra Muzaffar 2011). Beliau menganggap bahawa konsep pluralisme agama sinonim dengan kepelbagaian agama ataupun sikap toleransi beragama dan ia merupakan sebuah pemikiran yang positif daripada pemberian Tuhan kepada manusia.

Secara dasarnya, Uthman mempunyai pandangan yang tegas dalam menolak pemikiran John Hick terhadap pemikiran pluralisme agama sehingga terbitnya sebuah buku khas yang banyak dinyatakan penolakannya terhadap fahaman John Hick. Berbanding dengan pemahaman Chandra Muzaffar, beliau lebih bersifat terbuka dalam menyatakan penerimaannya terhadap konsep pluralisme agama. Chandra Muzaffar dalam beberapa karya penulisannya telah menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat tentang penerimaan beliau terhadap fahaman pluralisme agama. Malah menjadi suatu perkara yang pelik bagi beliau apabila pihak Majlis Agama

Islam Selangor (MAIS) menolak fahaman pluralisme agama. Kenyataan Chandra Muzaffar dimuatkan dalam penulisannya, "Why MAIS is always be uneasy about religious pluralism?" (The Star, November 14). Kemudian beliau menyambung dalam penulisannya, "From the pronouncement, MAIS like a number of other Islamic groups and individuals in Malaysia tend to highlight a particular interpretation of religious pluralism that regards mutually six exclusive ultimate truth claims in different religions as equally valid" (The Star, November 14). Bahkan bagi Chandra Muzaffar, Islam kelihatan begitu sempit sekiranya tidak memandang fahaman pluralisme agama dalam konteks yang lebih besar. Berdasarkan daripada kenyataan Chandra Muzaffar di atas, kajian melihat bahawa wujudnya kekeliruan dalam pemikiran yang beliau bawakan kerana kelihatan seolah-olah beliau menerima fahaman pluralisme agama dan menolak idea penolakan institusi Islam terhadap fahaman tersebut. Namun dalam kajian yang seterusnya. Baginya, pluralisme dalam bidang sains sosial merujuk kepada kewujudan pelbagai jenis manusia yang mempunyai kepelbagaiaan kepercayaan dan pandangan dalam sesebuah masyarakat. Beliau menganggap kewujudan pelbagai budaya dan tradisi dalam sesebuah masyarakat itu adalah pluralisme agama. Maka di sini juga jelas menimbulkan kekeliruan kepada kita sebagai umat Islam khususnya adakah yang dimaksudkan dengan pluralisme agama ini hanyalah kepelbagaiaan agama dalam erti kemajmukan agama ataupun suatu fahaman yang meletakkan kedudukan semua agama sama antara satu sama lain?.

'Pluralisme agama' difahami sebagai 'kesatuan agama' juga berlaku dalam pandangan Sister In Islam. Mereka yang berlebihan dengan alasan bahawa semua agama memiliki kebenaran yang sama. Perkara ini dapat dilihat apabila Sisters in Islam, sebuah pertubuhan yang berteraskan kebebasan mengeluarkan kenyataan bahawa kebebasan beragama yang dituntut dalam Islam seharusnya mengiktiraf kebebasan menukar agama kerana Islam bukanlah jalan sehalia (Zainah Anwar 2013). Selain itu, impak yang diberikan terhadap aliran kesatuan kebenaran ini juga turut menyebabkan badan-badan NGO tertentu menghina majlis fatwa kerana bagi mereka agama bukan milik kebenaran sesuatu institusi dan mengancam kesucian agama. Bagi Sisters in Islam, tidak menjadi suatu masalah jika Malaysia menyerahkan kesedaran individu untuk memutuskan pendapat dan ajaran mana yang harus diikuti dan membiarkan Tuhan yang memutuskan di akhirat nanti sama ada individu terbabit berdosa kerana mentaati

atau mengingkari ajaran. Maka kita dapat lihat di sini bahawa bagi golongan ini, mereka tidak memerlukan kepada keputusan Fatwa untuk memutuskan sesuatu hukum dalam sesuatu perkara malah ianya hanya bergantung semata-mata kepada kehendak masing-masing (Zainah Anwar 2013).

Hal ini mendapat sanggahan daripada beberapa golongan intelektual seperti Mohd Farid (2013) yang menentang keras pandangan yang menyamakan istilah 'pluralisme agama' dengan kepelbagaiaan agama. Menurut Mohd Farid, masyarakat perlu sentiasa peka dalam perkara yang berkaitan dengan fahaman pluralisme agama iaitu dengan membezakan antara pluralisme agama sebagai kebenaran relatif semua agama dengan kewujudan kepelbagaiaan agama yang membincangkan tentang suasana kehidupan masyarakat majmuk atau disebut sebagai kepelbagaiaan agama. Uthman el-Muhammady (2012) turut memberi reaksi dan pandangan bahawa konsep pluralisme agama yang diterima oleh Islam adalah dalam konteks adanya ruang awam yang melibatkan pengikut pelbagai agama berhubung serta mengadakan interaksi untuk saling memahami antara satu sama lain (dialog). Hal ini demikian kerana bagi beliau, perbezaan umat manusia yang wujud dalam pelbagai bangsa dan agama yang bertujuan untuk saling kenal mengenali antara satu sama lain dituntut dalam ajaran Islam. Namun, pluralisme dalam konteks kenisian dan kebenaran yang mutlak yang cenderung menafikan kebenaran mutlak dalam sesebuah agama serta menolak ajaran yang menjamin keselamatan dan kebahagiaan adalah tidak diterima dalam konteks Islam (Ismail Mina 2012).

Menurut Nur Farhana (2010) walaupun dalam Quran tetap menyebut dan mengiktiraf kepelbagaiaan rupa bangsa dan etnik sebagai lambang perpaduan dan kerjasama manusia sebagaimana dalam surah Al-Hujurāt (49): 13, akan tetapi dalam hal ini Islam (melalui penjelasan Quran) hanya mengiktiraf kepelbagaiaan agama bukan kepada kesatuan agama. Ini kerana terdapat juga ayat Quran yang menjelaskan perbezaan antara umat Islam dan bukan Islam seperti firman Allah dalam surah Al-Nahl (16): 36 yang menjelaskan bahawa semua umat menerima nabi namun terdapat di kalangan umat-umat tersebut yang menerima ajaran nabi dan terdapat sebahagiannya yang menolak, seterusnya dalam firman-firman Allah pada surah Ali-<sup>c</sup>Imrān (3): 64-66, Al-Baqarah (2): 137, dan Al-Qalam (68): 8-9. Malah hal ini turut diperkuuhkan lagi dengan adanya penegasan dan tuntutan kepada Nabi Muhammad SAW dan umat Islam untuk berdakwah kepada kaum bukan Islam (non-Muslim) supaya menerima ajaran Islam

seperti firman Allah dalam surah Ali-<sup>c</sup>Imrān (3): 20&110. Asas Islam ini meletakkan reaksi terhadap kepelbagaian agama diantara mengikut hak. Hak kewujudan agama diiktiraf manakala hak kebenaran adalah tertakluk kepada Allah SWT. Ini merupakan satu pendekatan wasatiyyah yang perlu diimbangi bersama. Seperti yang dijelaskan dalam kajian Khadijah Mohd Khambali @ Hambali et al. (2017), nilai utama yang perlu dalam budaya dan fenomena kehidupan kepelbagaian agama ini adalah nilai wasatiyyah khasnya di antara hubungan Muslim dan bukan Muslim. Malah tuntutan wasatiyyah ini juga menjadi agenda kerajaan dalam mencapai usaha keharmonian di Malaysia yang kerap dilaksanakan dialog antara agama.

Berdasarkan situasi di atas, dalam konteks Malaysia istilah ‘Pluralisme Agama’ ini merupakan perkataan yang diterjemahkan secara langsung daripada istilah *religious pluralism*. Namun dalam konteks Bahasa Inggeris, istilah *religious pluralism* terbahagi kepada dua bentuk utama; a) konsep kepelbagaian agama (*religious plurality*): Kumpulan yang mempromosikan toleransi agama. b) konsep *religious pluralism* iaitu di bawah satu *ism* (ciri pemikiran) khas datang daripada beberapa tokoh yang mempromosikan kesatuan kebenaran agama sehingga menyebabkan sinkritisme atau menafikan hak kebenaran eksklusif sesuatu agama. Manakala dalam konteks Malaysia, istilah Pluralisme Agama berdasarkan terjemahan *religious pluralism* sering terus kepada kumpulan kedua dalam konteks barat iaitu yang membawa kepada kesatuan kebenaran agama, sekaligus ia menjadi sesuatu yang ditolak.

Maka dalam hal ini adalah penting untuk menganalisis dengan baik penulisan dan idea dari pemikiran Muslim Malaysia dalam menjelaskan berkaitan pluralisme agama. Selaras dengan hal ini, kajian awal mendapati secara ringkasnya terdapat empat elemen asas yang dapat dijadikan panduan asas dalam membezakan penerimaan kepelbagaian agama atau penerimaan kepada kesatuan kebenaran agama.

#### KERANGKA PERBEZAAN PENGIFTIRAFAN KEPELBAGAIAN AGAMA DAN KESATUAN KEBENARAN AGAMA

Secara ringkasnya, kajian meletakkan dua elemen utama yang boleh menjadi asas bagi mengenal pasti kecenderungan pluralisme agama yang disampaikan oleh seseorang sarjana sama ada idea mereka sampai kepada kesatuan kebenaran agama atau hanya

membawa maksud menghormati kepelbagaian agama. Dua asas utama adalah pengiktirafan Kitab Suci yang berbeza dan keperluan untuk berdakwah.

#### PERBEZAAN KEFAHAMAN TERHADAP KITAB SUCI, AKIDAH (TEOLOGI) DAN WAHYU TUHAN

Dalam konteks Islam telah wujud panduan berkaitan punca kewujudan kepelbagaian agama dan panduan terhadap kebenaran agama lain. Islam mengakui bahawa semua nabi yang diutuskan kepada manusia adalah membawa mesej yang satu. Di dalam mesej yang satu ini mengandungi dua elemen iaitu Tauhid dan Akhlak. Tauhid adalah pengakuan kepada Tuhan yang Esa dan satu-satunya Tuhan yang layak disembah, ditaati dan diserahkan diri dan taat setia manakala akhlak pula dijelaskan sebagai tanda kepatuhan terhadap perintah Tuhan (*Amar Makruf Nahi Munkar*). Melalui persoalan ini, munculnya jawapan kepada isu-isu akhlak seperti berbuat baik, jujur, amanah dan patuh kepada Allah.

Secara umumnya, umat Islam mengetahui bahawa Allah telah menciptakan kepelbagaian atas dasar hormat dan saling kenal-mengenal. Kepelbagaian yang wujud dalam setiap ciptaan-Nya ini merupakan tanda kebesaran Allah. Begitu juga dengan penciptaan kepelbagaian agama. Allah menjadikan setiap makhluk dalam rumpun kepelbagaian agama bukan bertujuan untuk memusuhi antara satu sama lain tetapi tujuannya adalah untuk saling kenal mengenali seperti yang dijelaskan dalam Surah al-Hujurat (49): 13:

Bermaksud: Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

Dan Firman Allah Yunus (10): 99:

Bermaksud: Dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah beriman semua orang yang di muka bumi seluruhnya. Maka Apakah kamu (hendak) memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman semuanya?

Dalam Tafsir Ibn Kathir menyatakan bahawa sekiranya Allah menghendaki, maka Allah akan mengizinkan penduduk bumi semuanya untuk beriman kepada apa yang kamu bawa kepada mereka, lalu mereka beriman semuanya, akan tetapi Allah mempunyai hikmah dalam apa yang dilakukan-Nya. Sesungguhnya Allah adalah Dzat yang melakukan apa yang dikehendaki dan janganlah dirimu binasa kerana kesedihan terhadap mereka (Ibn Kathir 2004).

Selain itu, Allah turut menjelaskan bahawa kepelbagaian agama juga bertitik tolak dari pilihan manusia yang tidak dapat menerima semua wahyu Allah. Buktinya Allah menegaskan bahawa kejahilan dan penolakan manusia terhadap wahyunya yang menyebabkan pengulangan fenomena kerasulan dengan menurunkan rasul-rasul bagi menyampaikan mesej Tuhan bagi mengingatkan semula ajaran-ajaran Tuhan yang patut menjadi asas fikiran serta hati manusia. Malah Islam tidak pernah menafikan kewujudan kepelbagaian agama lain dalam tradisi masyarakat beragama. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa dalil al-Quran yang membuktikan bahawa Islam mengiktiraf kewujudan agama selain agama Islam. Namun pengiktirafan terhadap kewujudan agama-agama adalah berbeza dengan pengiktirafan terhadap kebenaran agama-agama lain seperti yang dijelaskan dalam surah Al-Baqarah (2) 62:

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang mukmin, orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani dan orang-orang Sabiin, siapa saja diantara mereka yang benar-benar beriman kepada Allah, hari kemudian dan beramal soleh, mereka akan menerima pahala dari Tuhan mereka, tidak ada kekhawatiran kepada mereka, dan tidak (pula) mereka bersedih hati.

Menurut Ibn Katsir, setelah Allah menjelaskan keadaan orang-orang yang menyalahi perintah-Nya, melanggar larangan-Nya, mengerjakan hal-hal yang tidak diizinkan-Nya dan melakukan hal-hal yang telah diharamkan serta hukuman yang ditimpakan kepada mereka. Dia mengingatkan bahawa siapa yang buat baik dan mentaati-Nya dari umat-umat terdahulu akan mendapatkan pahala kebaikan. Perkara ini akan terus berlanjutan sehingga sampainya hari Kiamat. Setiap orang yang mengikuti Rasul, Nabi Muhammad yang *ummi* akan memperoleh kebahagiaan abadi dan tidak merasa khawatir dalam menghadapi apa yang akan terjadi pada masa akan datang (Ibn Kathir 2004).

Berdasarkan hakikat punca kepelbagaian ini maka manusia tidak boleh menafikan wujudnya perbezaan kebenaran yang difahami antara satu agama dengan lain. Buktinya wujud kitab suci yang berbeza, sehingga Allah memberi ingatan wujudnya kitab yang telah diseleweng sehingga diturunkan al-Quran sebagai petunjuk yang sempurna. Allah menjelaskan antara kepentingan turunnya al-Quran sebagai kitab yang terakhir kerana wujudnya penyelewengan terhadap ajaran-ajaran utusan dan nabi sebelum Muhammad sehingga perlu untuk diperbetulkan. Malah Allah SWT turut menjelaskan di dalam al-Quran bahawa penyelewengan turut berlaku terhadap wahyu-wahyu bertulis yang

diturunkan sebelum al-Quran iaitu terhadap Taurat dan Injil sebagaimana penerangannya dalam surah Al-Baqarah (2): 75-76 dan surah Al-Maeidah (5): 14-15. Maka ini jelas menunjukkan selagi mana wujud kumpulan yang mempunyai kitab suci yang berbeza maka hal ini sama sekali menunjukkan wujudnya kebenaran agama yang berbeza. Ini kerana, Islam mengajarkan bahawa semua nabi terdahulu yang diutuskan kepada Yahudi dan Kristian hakikatnya mereka tetap membawa intipati ajaran Islam yang sebenar iaitu menyeru kepada tauhid dan keesaan Allah SWT. Inti ajaran yang dibawa oleh para nabi terdahulu kepada orang Yahudi, Kristian dan Islam semuanya adalah tentang kesedaran kepada agama yang satu. Penghormatan yang Islam berikan kepada Yahudi dan Kristian kerana kesederhanaan dan rendah diri mereka serta mereka diisytiharkan sebagai golongan yang paling hampir dengan Islam. Walau bagaimanapun penghormatan Islam kepada pengikut Yahudi dan Nasrani hanyalah kepada nabi dan kitab mereka yang asal. Hal ini tidak menafikan wujudnya orang Kristian dan Yahudi yang tetap menentang Rasulullah SAW dan para pengikutnya seperti yang dijelaskan dalam al-Quran.

Dari konteks contoh agama lain pula, seperti dalam ajaran Kristian, penegasan terhadap pengiktirafan kepelbagaian agama dan penafian kepada kesatuan kebenaran agama juga turut dinyatakan secara asasnya dalam kepercayaan Kristian. Mereka mempercayai bahawa Tuhan yang satu menjadikan manusia dalam kesatuan. Hal ini dilihat dalam penjelasan (Reiser 2008):

God call to human being to share in his own life not merely as individual, without any unifying bond between them, but rather to make them into a people in which His Children who had been widely scattered, might be gathered together in Unity (Ad Gents 71).

Hal yang sama turut dijelaskan dalam Deklarasi Nostra Aetate(Vatican Council II 1965) yang mencatatkan bahawa:

All nations are one community and have one origin, because God caused the whole human race to dwell on the whole face of the earth. They also have one final end. God whose providence, manifestation of goodness and plans for salvation are extended all.

Namun, Katolik menjelaskan bahawa setiap manusia bertindak untuk meluahkan perasaan tidak senang dan gundah gulana dalam mencari Tuhan, lalu perjalanan dan usaha mencari Tuhan, memahami tujuan hidup dan mencari jalan keselamatan ini dilaksanakan melalui pelbagai cara (Reiser 2008: 155). Ini membawa maksud kepelbagaian agama dalam

kitab suci Kristian menjelaskan bahawa kepelbagaiannya agama adalah disebabkan oleh manusia.

### TUNTUTAN BERDAKWAH

Di sebalik kepelbagaiannya agama yang diiktiraf dalam Islam, terdapat tuntutan yang penting dalam al-Quran iaitu Islam menuntut untuk menjaga hubungan keharmonian dengan semua umat manusia sama ada beragama atau tidak. Hubungan ini juga bertolak dari konsep universal dan kemanusiaan Islam yang mengakui pada dasarnya telah wujud dalam tujuan penciptaan yang diistilahkan oleh Islam sebagai kebolehan semula jadi (fitrah) untuk mengetahui kekuasaan Allah.

Selaras dengan hal ini, keperluan terhadap dakwah kerana berdasarkan prinsip bahawa agama Islam berusaha meyakinkan manusia tentang kebenarannya dan melatih manusia menjadi penganutnya. Islam tidak menjadikan agama sebagai satu upacara sembahyang. Islam juga bukan satu agen agama rasmi atau kepaderian yang menolak dunia. Dalam konteks Islam, tuntutan dakwah ini jelas apabila Allah memerintahkan Nabi Muhammad untuk bangkit dan memberi peringatan kepada kaum keluarganya serta kaumnya. Proses dakwah ini diturunkan Allah kepada semua nabi dan rasul seperti yang dijelaskan dalam surah Ibrahim (14): 4:

Maksudnya : Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa Yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya); dan Dia-lah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Berdasarkan ayat ini, dakwah yang diperintahkan oleh Tuhan adalah dakwah mengajak umat manusia kepada ajaran yang satu yang diturunkan kepada semua nabi. Ajaran yang satu ini bertolak dari prinsip kepercayaan kepada Tuhan yang Esa tiada selainnya seperti yang dijelaskan dalam surah al-Ikhlas (112): 1-4.

Bermaksud: Katakanlah(wahai Muhammad): “Dia-lah Allah, yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia

Berdasarkan ayat ini, Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang telah menyediakan panduan kepada manusia bagi memilih jalan yang benar. Ini bermaksud, dalam konteks memilih kebenaran agama, kebebasan manusia tidaklah bersifat mutlak kerana dalam hal ini Allah telah menyediakan panduan kepada manusia untuk memilih jalan yang

benar. Manusia yang menggunakan kebebasan memilih ini dengan menjauhi panduan yang sebenar akhirnya menyebabkan wujudkan kepelbagaiannya agama.

Tuntutan dakwah atau istilah lain adalah kerja misionari (missionary work) juga jelas diajar dalam agama Kristian. Sebagai contoh, menurut Vatican II dalam isu keselamatan (salvation). Ahli bukan Kristian. Vatican II menjelaskan bahawa *salvation* adalah memasuki dunia akhirat untuk *union with God*. Dalam hal ini penganut bukan Kristian atau mereka yang tidak berpegang kepada agama sekalipun dapat melaluinya dengan syarat mengamalkan apa yang diajarkan Tuhan dengan betul. Menurutnya (Reisser 2008):

All nation are one community and have one origin, because God caused the whole human race dwell to on the wholeface of the earth. They also have one final end, God whose providence, manifestation of goodness and plans for salvation are extended to all.

Walau bagaimanapun, limitasi utama adalah tertakluk kepada ajaran asas agama iaitu menyebarkan Gospel dan keimanan kepada Tuhan Jesus (Sidjabat 1960). Buktinya setiap penganut Kristian mengingati tugas mereka menyebarkan *Holy Bible Jesus* kepada manusia yang lain. Dalam hal ini, pembinaan interaksi, dialog adalah dapat menjadi satu dari jalan penyebaran. Penyebaran dakwah ini adalah tuntutan ajaran Kristian seperti:

Mark (16): 14: Later He appeared to the eleven as they sat at the table; and He rebuked their unbelief and hardness of heart, because they did not believe those who had seen Him after He had risen. 16:15: And He said to them, “Go into all the world and preach the gospel to every creature. 16: 16: He who believes and is baptized will be saved; but he who does not believe will be condemned. Mark 16: 5-7

Selain daripada ayat-ayat di atas yang menjelaskan pendirian agama khasnya Islam dan Kristian dalam menerima kepelbagaiannya agama namun menafikan kesatuan kebenaran agama, kajian Nur Farhana 2016 mendapati bahawa pemimpin agama Islam dan Kristian di Malaysia juga menerima dengan baik kewujudan kepelbagaiannya agama namun menafikan penyamaan kebenaran agama Islam dan Kristian kerana bukti yang utama adalah kitab suci yang dirujuk ternyata berbeza di samping konsep-konsep teologi yang lain.

Pemimpin agama Islam menyatakan Islam jelas memahami bahawa kepelbagaiannya agama dan puak untuk berkenalan namun dalam hal kebenaran ia dibatasi dengan ayat *lakum dinukum waliyadin* yang bermaksud “bagi kamu agama kamu dan bagiku agama ku.” Pandangan ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

JADUAL 1. Pandangan wakil pemimpin agama Islam Malaysia

Isu	Tema	Huraian	Kod Informan
Punca Kepelbagaian	Allah jadikan kepelbagaian untuk berkenalan.	Dan ini kita ambil Tuhan jadikan kita berkabilah-kabilah untuk berkenalan (lita'arafu)	M1
	Syariat berbeza	Syariatnya berbeza dengan sebab itu di antara agama itu ada berbeza. Seperti yang dikatakan oleh Quran lakum dinukum waliyadin) jadi tak sama. Syariat Nabi Muhammad menasahkan syariat yang lain.	M1
	Akidah agama lain hari ini berbeza dengan Islam	Kita kena berpegang kepada 'lakum dinukum waliyadin' Berbeza fahaman tentang Tuhan, trinity dan sebagainya	M2 & M 4 M2
	Manusia: Pemahaman Agama Lemah	Kekhawatiran itu datang daripada orang islam itu sendiri. Jadi orang Islam sendiri masih lemah dari tahapnya dalam pemahaman Islam(pemahaman agama yang berbeza)	M3

Sumber: Nur Farhana (2016)

Pengiktirafan kepelbagaian agama ini semakin jelas kelihatan apabila informan Kristian Malaysia mengakui bahawa hampir majoriti jemaah Kristian Malaysia menolak idea John Hick yang memperkenalkan semua agama adalah sama-sama benar. Ini kerana informan Kristian mengakui bahawa perbezaan telah jelas wujud. Malah ia wujud secara asasnya dalam isu teologi yang membawa kepada persoalan kebenaran agama dan informan Kristian Malaysia turut mengakui bahawa hanya wujud

satu agama yang sebenar dan selamat. Ini terbukti melalui wujudnya tuntutan untuk menyampaikan dakwah dalam ajaran Kristian, wujudnya panduan dalam menjatuhkan hukum ke atas agama selain Kristian, wujudnya kepentingan dan kesan dari isu pertukaran agama khususnya antara Muslim dan Kristian Malaysia. Hal ini dijelaskan dalam jadual di bawah.

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa kepelbagaian agama adalah diiktiraf oleh informan

JADUAL 2. Pandangan wakil pemimpin agama Kristian Malaysia

Isu	Tema	Huraian	Kod Informan
Realiti Kepelbagaian agama	Perbezaan Antara Agama telah wujud	If you believe diversity then is a plurality. But if you believe only one, is a problem because its so many different things already. you can say that it many religious so plurality. If you don't believe plurality so then why its so many religion. It's a religion of federation and other religion are to be practice with peace and harmony. So we are connected. So pluralism is already there in our constitution Dalam agama semua orang ada perbezaan. Kristian pun ada Katolik dan Protestan berbeza. Kalau mula dengan perbezaan kita tidak boleh duduk sama-sama berunding dan akan bergaduh. Tapi mari kita lihat apa persamaan kita. At least we can do something.	K1
	Kitab berbeza	Yes we are people of the faith, and we are people book of the holy book. And but we also know that we are difference. Because we have 2 kitab. You cannot use my rule interpretation on bible into al-Quran and you cannot do otherwise. Because there two different things. Special revelation go to holy book and the general revelation go to all human kind. But the general revelation, in that sense all religion have same kind of that general revelation but special revelation is very specific.	K1
			K2
			K3

Bersambung

## JADUAL 2. Sambungan

Isu	Tema	Huraian	Kod Informan
Pentafsiran Berbeza		the kitab is fix already. But we have knew insight. Because orang dari American different dari orang Malaysia. They focus on different things. That's why sometimes when we read we say no cannot work on Malaysia. Different culture. Different social experience. Different. Yes kita berbeza so many. You think differently, I think differently, but I respect you.	K1 K2
Wujud hukum terhadap agama lain		Dalam Old Testament tetap menghukum agama di dalam dan di luar gereja. Allah judge religion di sekeliling Yahudi (Cananian Religion) seperti diceritakan dalam old Testament.	
Menolak idea John Hick dan Kristian Malaysia mempunyai Inklusif dan Eksklusif part.		John hick never address this issues of Satan or evil forces. He was too simplistic in its mind. John Hick tidak mewakili pandangan CFM Malaysia. Dia lebih as Philosopher, liberal Christianity . Dalam Malaysia tiada liberal Kristian.	K3 K5
Perbezaan Manusia dalam memahami Teologi		Saya ada baca dalam satu website dakwah Islam mengatakan bahawa Kristian Malaysia berpegang pada idea Hick, tidak kami tidak. Jika kamu tanya di sini siapa Hick pun tidak ramai yang tahu unless mereka sudah mula pengajian berkaitan. Idea John Hick hampir 90% ditolak di Malaysia dan idea Karl Rahner lebih diterima di Malaysia. the Christian the concept of Allah is different with the Muslim of the concept of Allah. Say yes, its true. Can't be help. They were be something we are calling it theologically we cannot accept because there is no similarities in what we have enough, not same to you. We have to say that. But I respect because we are different believe. Mungkin cara kita sampai ke God berlainan, Ajaran dalam ajaran itu berlainan. Tetapi di manakah jalan itu berakhir? Berakhir pada satu Allah sahaja. So is based On Christian understand. By having this theological understand. Theologically, we must believe all religion have some difference. Especially about the evil force. The evil forces, where by to corrupt confuse about general revelation.	K5 K5 K1 K1 K1 K2 K3 K5
Wujudnya tuntutan dalam agama untuk berdakwah		Ada perbezaan teologi contohnya dalam idea Fault, Augustine percaya ada new creation, I old creation, in Christ then I become new creation, so that's concept yang tunjuk Islam dan Christian ada perbezaan. Of course when you ask honoration to other religion you have to respect other religion as well because there was great respect from religious under religious. But we were also said, like paul, you all believe in religion, you all believe in God, let me now tell you who is the God. So it's a missionary trust. He also have to speak and tell people what is the experience and we also have to speak.	K1

Sumber: Nur Farhana (2016)

Muslim dan Kristian Malaysia. Pengiktirafan terhadap kewujudan kepelbagaiannya ini yang dijelaskan oleh informan Muslim, Kristian bukanlah perkara yang terkeluar dari asas akidah agama masing-masing. Pengiktirafan yang dilakukan

hanya ke atas kewujudan kepelbagaiannya bukan kepada kebenaran agama. Malah dalam contoh Islam dan Kristian, kedua-dua agama Islam dan Kristian Malaysia mempertahankan bahawa agama mereka sahaja yang benar.

## KESIMPULAN

Secara rumusannya dapat disimpulkan bahawa penjelasan di atas menggambarkan keperluan untuk melaksanakan keharmonian dalam menghadapi kepelbagaian agama yang wujud. Dalam proses membina keharmonian, pengiktirafan terhadap kewujudan agama lain perlu diakui. Ia dapat diusahakan melalui pendekatan memahami agama-agama yang dilaksanakan dengan sikap rasional, keterbukaan, jujur namun tegas agar dapat menghasilkan sikap hormat kepada agama-agama kesucian agama-agama tanpa menghasilkan kebenaran yang relatif. Secara keseluruhannya dapatkan kajian menunjukkan bahawa konsep kepelbagaian agama dan kesatuan agama membawa maksud yang berbeza kepada orang yang berbeza mengikut persepsi dan pandangan masing-masing terhadap istilah tersebut. Berdasarkan kepada beberapa pandangan sarjana Muslim yang telah dikemukakan, kita dapat lihat di sini bahawa kepelbagaian agama itu wujud dalam konteks yang diterima oleh Islam. Namun, konsep kesatuan kebenaran agama yang cuba menggabungkan kepercayaan agama-agama lain ditolak khasnya oleh Islam dan Kristian kerana tidak mungkin persepsi, keyakinan dan kepercayaan yang kontradik antara sesuatu agama boleh dinyatakan sebagai sama-sama benar.

## PENGHARGAAN

Sebahagian Hasil kerja ini adalah sumbangan dari dana penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui projek Frgs/1/2017/ss06/ukm/03/1 dan Dana Universiti Kebangsaan Malaysia melalui projek GGPM 2017-018.

## RUJUKAN

- Al-Quran.
- Anis Malik Thoha 2005. *Tren Pluralisme Agama*. Jakarta: Gema Insani.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat & Wahairi Mahmud. 2018. Medium of intrapersonal communication in interfaith dialogue for Muslim Converts Community. *Akademika* 88(3): 43-54.
- Chandra Muzaffar . 2006. What Pluralism Means to Islam. *The Star*, 18 Jun
- Chandra Muzaffar. 2006. Understanding Liberalism and Religious Pluralism. *The Star*, 5 Nov.
- Chandra Muzaffar. 2011. *Exploring Religion in Our Time*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Hornby. 2000. *Plural Societies*. New York: Academic Press.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida Ismail Ibn Umar. 2004. *Tafsir Ibnu Katsir*. Jil. 1&4. Terj. M.Abdul Ghoffar E.M. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ismail Mina. 2012. *Pluralisme Agama Satu Gerakan Iblis Memurtadkan Ummah*. Kuala Lumpur: Perubahan Muafakat Sejahtera Masyarakat.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali, Suraya Sintang, Azarudin Awang, Khairul Nizam Mat Karim, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, Nurhanisah Senin, Azmil Zainal Abidin, Ahmad Zuhdi Ismail, Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali & Ruzman Md. Noor. 2017. al-Wasatiyyah in the practice of religious tolerance among the families of new Muslims in sustaining a well-being society. *Humonomic* 33(2): 211-220.
- King James Bible. T.th. <https://www.bible.com> [1 Ogos 2019].
- Mohd Farid Shahran. 2012. Akidah Islam dan Faham Pluralisme Agama. Dlm. *Pluralisme Agama Satu gerakan Memurtadkan Ummah*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat.
- al-Mubarakfuri, Syeikh Shafiyurrahman. 2000. *al-Misbah al-Munir fi Tahzib Tafsir Ibn Kathir*. Saudi: Darul Salam li Nasyr wa Tauzi'.
- Muhammad Uthman el Muhammady. 2012. *Falsafah Agama John Hick Pengamatan dari Perspektif Ajaran Ahli Sunah wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera.
- New King James Bible. T.th. <https://www.bible.com> [1 Ogos 2019].
- Nur Farhana Abdul Rahman. 2010. Konsep Pluralisme Agama dalam Aliran Liberal Islam. Tesis Sarjana, Jabatan Usuluddin & Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Khadijah Khambali. 2016. Readiness of Muslim and Christians Leaders in forming religious harmony: necessity and limitation. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, (18) 2: 103-148.
- Reiser, W. 2008. Roman Catholic Understanding of Religious Tolerance in Modern Time: The Second Vatican Council (Vatican II), *Religious Tolerance in World Religions*. Pensylvenia: Templeton Press.
- Sintang, S., Khambali, K. M., Senin, N., Shahrud-Din, S., Abdul Rahman, N. F., & Zin, S. H. M. 2013. The culture of tolerance in families of new Muslims convert. *Middle East Journal of Scientific Research*. 15(5): 669-678.
- Sidjabat, W.B. 1960 .Religious Tolerance and the Christian Faith: A Study concerning the concept of Divine Omnipotence in the Indonesian Constitution in The light of Islam and Christianity, Disertasi Doktor Teologi, Seminari Teologi Princeton.

Vatican Council II. 1965. *Nostra Aetate* (Declaration on The Relationship of The Church To Non-Christian Religions). Vatican: Vatican Council II

Zainah Anwar. 2013. Di mana Silapnya Fatwa Kita(Sisters in Islam). <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1209.6> [19 Ogos 2019].

Dr. Nur Farhana Abdul Rahman  
Pensyarah Kanan,  
Pusat Akidah dan Keamanan Global,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
nfarhana@ukm.edu.my.

Prof Madya Dr. Khadijah Khambali@Hambali  
Pensyarah Kanan,  
Jabatan Akidah & Pemikiran Islam,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya.

Nur Solehah Shapiee  
Pelajar Sarjana  
Program Usuluddin dan Falsafah,  
Pusat Akidah dan Keamanan Global,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Ashilah Kahar  
Pelajar Sarjana  
Program Usuluddin dan Falsafah,  
Pusat Akidah dan Keamanan Global,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.